

# KEJOHANAN HOKI LELAKI DAN WANITA ANTARA PERKHDMATAN ATM 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3968-kejohanan-hoki-lelaki-dan-wanita-antara-perkhidmatan-atm-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3968-kejohanan-hoki-lelaki-dan-wanita-antara-perkhidmatan-atm-2018)

SUBANG, 4 Okt 18 - Kejohanan Hoki Lelaki dan Wanita Antara Perkhidmatan ATM 2018 telah berlangsung pada 1 Okt hingga 4 Okt 18 bertempat di Stadium Hoki Pangkalan Udara Subang.

Penganjur kejohanan pada tahun ini adalah Persatuan Hoki TUDM. Johan bagi kategori lelaki adalah pasukan hoki dari Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Johan bagi kategori wanita juga dari pasukan hoki TDM. Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Pengerusi JKK LSTUDM, Brig Jen Dato' Dr Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM.

